

Terms and Conditions for Receiving Money

1. INTRODUCTION

1.1. The agreement is between you and JAGS MONEY SDN BHD ("JAGS MONEY SDN BHD.", "us" or "we") offering the MoneyGram® money transfer service ("Service") in conjunction with MoneyGram Payment Systems, Inc. ("MoneyGram"). These Terms and Conditions, along with the Documentation (as defined in Section 1.3) used in connection with the Service to which these Terms and Conditions may be included or attached, constitute the entire agreement ("Agreement") between us and you, the individual recipient of the Service ("you" or "Receiver").

1.2. This Agreement and the Service allow you to receive a money transfer (a "Transfer") that has been sent using the Service from an individual ("Sender"). The Transfer has been sent to you in a currency and amount specifically designated by the Sender from a location operated by agents, authorised delegates or other permitted entities ("Agents") of MoneyGram, to collect from JAGS MONEY SDN BHD's location and we will not charge you any fees for receiving the Transfer. The Service is available to you only in your individual capacity known to the Sender.

1.3. You must sign any other documentation related to the Transfer, including all forms, receipts, or acknowledgments (collectively, the "Documentation") fully and accurately in order to use the Service.

1.4. By using, or attempting to use, the Service in any capacity, you are acknowledging that you (i) accept the terms of this Agreement, (ii) have read the Documentation relating to the Transfer and that the information as described on the Documentation is accurate, and (iii) have received from us the currency and amount described in this Agreement and/or the Documentation. To the extent you desire to exchange the Transfer into a currency other than the currency as described in this Agreement, you further acknowledge and agree that any subsequent exchange of the Transfer is a separate transaction from the Service and is subject to the provisions of Section 6 of this Agreement.

1.5. You must provide the Agent with valid identification to receive the Transfer. We will not have any liability in the event that the Transfer is disbursed, when and as applicable, to an individual who provides valid identification to the Agent describing such person as the Receiver (even if such identification was false or forged) and provides a Reference Number.

2. RESTRICTIONS ON SERVICE

2.1. You acknowledge that the Sender or MoneyGram, in certain circumstances, may cancel the Transfer designated for you at any time prior to your receipt and that upon such event, you will not be entitled to receive the Transfer.

2.2. The Service, or your ability to receive the Transfer, may also be delayed, restricted or unavailable depending upon the Service selected by the Sender, our hours of operation, the amount of the Transfer, currency availability, and legal, and regulatory compliance, including ID requirements. We will not disburse the Transfer to you if we or MoneyGram believe that the Transfer or the Service is being used in any way to violate applicable laws, regulations, codes or MoneyGram's policies and procedures, including any association with fraud, anti-money laundering laws, or other illegal activity or will expose us or MoneyGram to action from any government or regulator.

2.3. If the Transfer is not disbursed to you, you may contact us to inquire into the status of the Transfer and we may be able to assist you, subject to all applicable laws and regulations relating to the Services.

3. GENERAL

3.1. If the Transfer is not made properly or never arrives, we may be liable to the Sender. We will not be liable to you, except that nothing in this Agreement excludes or limits our liability to the extent that we are unable to exclude or limit it by law.

3.2. The Transfer and use of the Service does not involve you having a "deposit" or an account with us or MoneyGram.

3.3. Services are directed to persons 18 years and over and may not be used for escrow purposes or trust or gambling, and may only be used for a lawful purpose. In the event of any conflict between the English version of the Agreement and any translated version of the Agreement, the English version of the Agreement shall govern and we will communicate with you in English. The laws of Malaysia apply to this Agreement.

3.4. This Agreement does not and is not intended to confer any rights or remedies upon any person other than you and us.

4. PRIVACY NOTICE

4.1. This Notice applies to personal information MoneyGram collects about you. The information we collect and use, depend on the product or service you have with us, including but not limited to, your contact information and identification. We may share your information with third-parties, including affiliated companies, to process your transactions, market our products and services to you, detect and prevent fraud and other illegal activities, such as money laundering activities, or to cooperate with criminal or government investigations, in accordance to applicable laws. Your personal information may be transferred outside the country of collection for international transfers and for processing. For details on our privacy practices and your rights, please visit www.moneygram.com/privacy-notice.

4.2. To opt out of receiving marketing communication from us, you may: (i) click on the "unsubscribe" link at the bottom of the MoneyGram marketing email you've received; (ii) reply "MGISTOP" to a text or SMS message; or (iii) contact us at privacyprogramoffice@moneygram.com.

5. CUSTOMER SERVICE

We are committed to ensuring that you receive high quality service from us and MoneyGram. In the event that you are dissatisfied with our Service or believe that an error has occurred with your Transfer, please contact us as soon as possible. For full details of our complaints procedure or consumer protection advice, or submit a complaint, you can:

- Call us on +60327791030 (you may be charged for calls to this number by mobile phone)
- Visit our website www.jagsmoney.com for full details of our complaints procedure or consumer protection advice or to submit a complaint
- Send an email to us at customersupport@jags.com.my; or
- Write to the Customer Relations at the address: L4-17, Terminal Bersepadu Selatan, Jalan Terminal Selatan, Bandar Tasik Selatan 57100 Kuala Lumpur

6. SEPARATE ARRANGEMENTS

In addition to offering the Service, we may offer you our own products or services such as currency exchange. These additional products or services are separate and independent from the Service, are offered under our own terms and conditions, and do not involve MoneyGram in any way. These additional products and services are likely to have their own fees associated with them.

Terma dan Syarat untuk Menerima Wang

1. PENGENALAN

1.1. Perjanjian ini adalah di antara anda dan JAGS MONEY SDN BHD ("JAGS MONEY SDN BHD") yang menawarkan perkhidmatan pemindahan wang MoneyGram® ("Perkhidmatan") Bersama dengan MoneyGram Payment Systems, Inc. ("MoneyGram"). Terma dan Syarat ini, berserta dengan Dokumentasi (seperti yang ditakrifkan di Bahagian 1.3) yang digunakan sehubungan dengan Perkhidmatan di mana Terma dan Syarat ini boleh disertakan atau dilampirkan, membentuk keseluruhan perjanjian ("Perjanjian") di antara kami dan anda, penerima perseorangan bagi Perkhidmatan ("anda" atau "Penerima").

1.2. Perjanjian dan Perkhidmatan ini membolehkan anda menerima Pemindahan wang (atau "Pemindahan") yang telah dikirim menggunakan Perkhidmatan daripada seorang individu ("Pengirim"). Pemindahan tersebut yang telah dikirim kepada anda dalam mata wang dan amaun yang ditetapkan oleh Pengirim dari lokasi yang dikendalikan oleh ejen, wakil sah atau entiti lain yang dibenarkan ("Ejen") MoneyGram, untuk mengutip dari lokasi JAGS MONEY SDN BHD. dan kami tidak akan mengenakan sebarang bayaran untuk menerima Pemindahan. Perkhidmatan ini disediakan untuk anda hanya dalam kapasiti individu anda yang diketahui Pengirim.

1.3. Anda mesti menandatangani apa-apa dokumen lain yang berkaitan dengan Pindahan, termasuklah semua borang, resit atau perakuan (secara kolektif, "Dokumen") dengan sepenuhnya dan tepat supaya anda dapat menggunakan perkhidmatan tersebut.

1.4. Dengan menggunakan, atau cuba untuk menggunakan, Perkhidmatan dalam sebarang kapasiti, anda mengakui bahawa anda (i) menerima syarat Perjanjian ini, (ii) telah membaca Dokumentasi berkaitan dengan Pemindahan dan bahawa maklumat yang diterangkan dalam Dokumentasi adalah tepat, dan (iii) telah menerima daripada kami, mata wang dan amaun yang diterangkan dalam Perjanjian dan/ atau Dokumentasi. Sehingga tahap tertentu yang anda mahukan, untuk menukar Pemindahan tersebut kepada mata wang selain daripada mata wang yang diterangkan dalam Perjanjian ini, anda seterusnya mengakui dan bersetuju bahawa sebarang pertukaran Pemindahan adalah urusan niaga berasingan daripada Perkhidmatan dan tertakluk kepada peruntukan dalam Seksyen 6 Perjanjian ini.

1.5. Anda mesti memberikan Ejen pengenalan yang sah untuk menerima Pemindahan. Kami tidak akan mempunyai sebarang liabiliti sekiranya Pemindahan dikeluarkan, apabila dan mengikut kesesuaian, kepada individu yang memberikan pengenalan yang sah kepada Ejen yang menggambarkan orang tersebut sebagai Penerima (walaupun pengenalan tersebut adalah palsu) dan memberikan Rujukan Nombor.

2. HAD KE ATAS PERKHIDMATAN

2.1. Anda mengakui bahawa Pengirim atau MoneyGram, dalam keadaan tertentu, boleh membatalkan Pindahan yang ditetapkan untuk anda pada bila-bila masa sebelum anda menerimanya dan apabila kejadian sedemikian berlaku, anda tidak akan berhak menerima Pindahan tersebut.

2.2. Perkhidmatan tersebut, atau tanggungjawab anda untuk menerima Pemindahan, boleh juga tertunda, dihadkan atau tidak tersedia, bergantung kepada Perkhidmatan yang dipilih oleh Pengirim, waktu operasi kami, amaun Pemindahan, ketersediaan mata wang, dan pematuan undang-undang dan peraturan, termasuk keperluan dokumen pengenalan (ID). Kami tidak akan membayar Pemindahan kepada anda jika kami atau MoneyGram percaya bahawa Pemindahan atau Perkhidmatan tersebut digunakan dalam apa cara sekali pun untuk melanggar undang-undang, peraturan, kod atau dasar dan prosedur MoneyGram yang berkenaan, termasuk sebarang kaitan dengan penipuan, undang-undang pencecahan pengubahan wang haram, atau aktiviti haram yang lain atau akan mendedahkan kami atau MoneyGram kepada tindakan daripada sebarang kerajaan atau pengawalselia.

2.3. Jika Pemindahan tidak dibayar kepada anda, anda boleh menghubungi kami untuk menanyakan status Pemindahan dan kami mungkin boleh membantu anda, tertakluk kepada semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan Perkhidmatan.

3. AM

3.1. Sekiranya Pindahan yang tidak dilakukan dengan betul atau tidak pernah sampai kepada penerima, kita akan menanggung liabiliti terhadap Pengirim. Kami tidak akan mengenakan liabiliti terhadap anda, melainkan tiada apa-apa dalam Perjanjian ini yang mengecualikan atau mengehakkan liabiliti kami sehingga kami tidak dapat mengecualikan atau mengehakkannya dengan undang-undang.

3.2. Pemindahan dan penggunaan Perkhidmatan tersebut tidak melibatkan anda mempunyai "deposit" atau akaun dengan kami atau MoneyGram.

3.3. Perkhidmatan adalah tertumpu kepada mereka yang berumur 18 tahun ke atas dan tidak boleh digunakan untuk tujuan escrow, amanah atau perjudian, dan hanya boleh digunakan untuk tujuan yang sah di sisi undang-undang. Sekiranya terdapat sebarang perbezaan di antara Perjanjian versi Bahasa Inggeris dan bahasa Melayu, versi bahasa Inggeris akan diguna pakai dan kami akan berkomunikasi dengan anda dalam bahasa Inggeris. Undang-undang Malaysia diguna pakai ke atas Perjanjian ini.

3.4. Perjanjian ini tidak dan adalah bukan bertujuan untuk memberikan sebarang hak atau remedi ke atas sesiapa selain daripada anda dan kami.

4. NOTIS PRIVASI

Notis ini terpakai kepada maklumat peribadi yang dikumpulkan oleh MoneyGram mengenai anda. Maklumat yang kami kumpul dan gunakan, bergantung pada produk atau perkhidmatan yang anda ada bersama kami, termasuk tetapi tidak terhad kepada, maklumat hubungan anda, pengenalan diri. Kami mungkin berkongsi maklumat anda dengan pihak ketiga, termasuk syarikat bersekutu, untuk memproses transaksi anda, memasarkan produk dan perkhidmatan kami kepada anda, mengesan dan mencegah penipuan dan aktiviti haram lain, seperti aktiviti pengubahan wang haram, atau bekerjasama dengan siasatan jenayah atau kerajaan, sesuai dengan undang-undang yang terpakai. Sebagai tambahan, maklumat peribadi yang kami kumpul boleh dipindahkan ke luar negara pengumpulan untuk pemindahan antarabangsa dan untuk tujuan pemrosesan. Untuk maklumat terperinci mengenai amalan privasi dan hak anda, sila lawati www.moneygram.com/privacy-notice. Bagi memilih untuk tidak menerima komunikasi pemasaran dari kami, anda boleh: (i) klik pada pautan "berhenti melanggan" di bahagian bawah e-mel pemasaran MoneyGram yang anda terima; (ii) balas "MGISTOP" ke teks atau mesej SMS; atau (iii) hubungi kami di privacyprogramoffice@moneygram.com.

5. PERKHIDMATAN PELANGGAN

Kami komited dalam memastikan anda menerima perkhidmatan terbaik daripada kami dan MoneyGram. Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan perkhidmatan kami atau percaya bahawa kesilapan telah berlaku ke atas Pemindahan anda, sila hubungi kami secepat yang mungkin. Untuk mengetahui butiran lengkap mengenai prosedur aduan atau nasihat perlindungan pengguna kami, atau untuk mengemukakan aduan, anda boleh:

- Menghubungi kami di talian +60327791030 (anda mungkin dikenakan bayaran ke atas panggilan kepada nombor ini)
- Melayari laman web kami di www.jagsmoney.com bagi mengetahui butiran lengkap mengenai prosedur aduan atau nasihat perlindungan pengguna kami, atau untuk mengemukakan aduan.
- Menghantar emel kepada kami di customersupport@jags.com.my; atau
- Menulis kepada Hubungan Pelanggan di alamat: L4-17, Terminal Bersepadu Selatan, Jalan Terminal Selatan, Bandar Tasik Selatan 57100 Kuala Lumpur

6. PERKHIDMATAN BERASINGAN

Sebagai tambahan kepada menawarkan Perkhidmatan, kami mungkin menawarkan produk atau perkhidmatan kami sendiri seperti pertukaran mata wang. Produk atau perkhidmatan tambahan ini adalah berasingan dan bebas daripada Perkhidmatan, ditawarkan di bawah terma dan syarat kami sendiri, dan tidak melibatkan MoneyGram dalam apa cara sekali pun. Produk dan perkhidmatan tambahan ini berkemungkinan mempunyai bayaran berasingan yang dikenakan ke atasnya.